

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HMP 406 Analisis Wacana

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. SATU [1] dari Bahagian A dan pilih TIGA [3] dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Teliti Petikan 1 (m.s. 3) jawab soalan (a) dan soalan (b).

[a] Analisis kekoherenan wacana berikut dari aspek elemen-elemen linguistik; khususnya, dengan menggunakan alat-alat kohesifnya. (Lampirkan teks wacana ini bersama skrip jawapan anda)

[30 markah]

[b] Bincangkan corak tema dan rema di dalam perenggan akhir petikan 1 (baris 47 hingga baris 51).

[10 markah]

.../2

BAHAGIAN B

2. Apakah yang dimaksudkan dengan 'wacana'? Huraikan dengan jelas bagaimanakah yang dikatakan sesuatu wacana itu utuh. Beri jawapan anda berdasarkan pandangan Guy Cook (1989).

[20 markah]

3. Sejauh manakah Prinsip Bekerja Sama dan Prinsip Kesopanan perlu dipatuhi oleh pewacana untuk menghasilkan komunikasi interaktif yang berkesan?

[20 markah]

4. 'Analisis Perbualan' dikatakan sebagai satu kajian akademik, bukan satu kajian pedagogi. Bincangkan.

[20 markah]

5. Pilih dua daripada perkara berikut. Jelaskan kedua-dua perkara tersebut dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai dan memadai:

- [a] fungsi bahasa
- [b] struktur informasi
- [c] ayat di dalam wacana
- [d] cara bergiliran
- [e] praanggapan

[20 markah]

.../3

DARI MEJA MASSA

Akta Keganasan Rumah Tangga Tiada Sebab Layi Mengapa Ia Dilengahkan



PENGUMUMAN pihak berkuasa baru-baru ini yang menyatakan bahawa Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 masih belum dapat dikuatkuasakan bukan saja menghampakan kaum wanita malah masyarakat umum keseluruhannya. Kekecewaan ini cukup dirasakan kerana Pusat Islam telahpun menyatakan bahawa akta ini tidak ada halangan untuk dipakai oleh umat Islam di negara ini. Sekarang setelah kelulusan ini diperolehi timbul pula masalah lain. Menurut pihak berkuasa, peraturan dan kaedah terperinci mengenainya masih belum siap disediakan.

Kehadiran akta ini amat dinanti-nantikan memandangkan terlalu banyak keganasan rumah tangga yang dilaporkan berlaku sejak akhir-akhir ini. Kebanyakannya melibatkan kaum

wanita. Mereka didera secara fizikal oleh suami sendiri. Jadi dengan adanya akta ini sekurang-kurangnya nasib mereka dapat dilindungi dan sedikit sebanyak juga ia akan menakutkan "si pegganas rumah tangga" yang bermaharaja lela itu. Selain itu, akta ini juga dapat dimanfaatkan oleh suami, bekas isteri atau suami, kanak-kanak, orang dewasa yang tak berupaya dan "mana-mana anggota keluarga lain" dan paling penting akta ini boleh dipakai oleh semua lapisan masyarakat Malaysia, tidak mengira agama.

Keganasan dalam rumah tangga ada kalanya memang agak janggal disebut kerana "rumah tangga" itu dihuni oleh anggota keluarga sendiri atau saudara mara terdekat yang sepatutnya diikat oleh kasih sayang dan perasaan saling hormat di antara satu sama lain. Namun begitu desakan kehidupan moden telah banyak melarikan manusia hari ini daripada nilai-nilai terpuji ini.

Bagaimanapun dari pandangan orang luar, keadaan sebenarnya sukar dikesani kerana sifat rumah tangga yang begitu *personal* dan agak payah untuk didekati. Oleh yang demikian si mangsalah yang patut membongkar segala kepincangan dan penderitaan yang dialaminya. Tetapi oleh kerana selama ini Akta Keganasan Rumah Tangga tidak wujud, si mangsa terpaksa mendiamkan diri dan keadaan ini terus menguntungkan "penjenayah istimewa" yang berselindung di balik tabir rumah tangga.

Menyedari hakikat ini, sewajarnya pihak berkuasa menyegerakan penguatkuasaan akta ini yang telahpun diluluskan oleh Parlimen pada 24 Jun, 1994. Penantian hampir dua tahun ini bukan saja menyeksakan tetapi turut menambah bilangan mangsa yang masih belum mampu untuk berbuat apa-apa.

Jadi selagi akta ini belum boleh dipakai selagi itu suara-suara prihatin dari pelbagai persatuan akan didengari. Bukankah ini boleh menarik perhatian negara-negara luar dan tidak mustahil jika mereka beranggapan bahawa negara ini mengabaikan kepentingan kaum wanita terutamanya dan mangsa-mangsa lain yang tersepit dalam keganasan rumah tangga. Cukuplah dengan kritikan-kritikan lain yang telah kita terima selama ini, jangan pula suatu hari nanti ada suara yang mengatakan kita tidak berperikemanusiaan.

Tegasnya perkara yang boleh membantu orang-orang teraniaya tidak wajar dilingah-lengahkan. Janganlah kerana ia menyentuh soal rumah tangga, maka kita kurang memandang berat. Kita perlu memikirkan kesannya terhadap masyarakat lain dan bahana yang boleh dicetuskannya dalam persiapan kita menuju ke era yang lebih gemilang dan *sophisticated*.

